

Headline **Tidak laksana subjek terburu-buru**
Date **24 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **34**
Article Size **187 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **2,550**
PRValue **7,650**



Tidak laksana subjek terburu-buru

KEMENTERIAN Pelajaran merujuk petikan laporan akhbar ini kelmarin yang antara lain menyebut 'Pertubuhan guru membantah cadangan memperkenalkan pendidikan kesihatan reproduktif sebagai satu subjek di sekolah kerana ia disifatkan bukan penyelesaian kepada masalah sosial di kalangan remaja, sebaliknya hanya menambah beban guru.'

Untuk makluman, Kementerian Pelajaran tidak akan terburu-buru dalam pelaksanaan subjek ini. Bagaimanapun, perkara seumpama ini sebenarnya sudah dilaksanakan di peringkat sekolah, seperti berikut:

● Kementerian melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (dikenali sebagai Pendidikan Seksualiti sebelum ini) sejak 1989 bagi sekolah menengah dan pada 1994 di sekolah rendah. Pendidikan Kesihatan

Reproduktif dan Sosial diajar khususnya melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan dan amnya melalui kurikulum pelbagai mata pelajaran iaitu bahasa, Biologi, Sains, Sains Tambahan, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam. Semua murid mengikuti Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial dari Tahun 1 hingga Tingkatan 5.

Kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial diajar dalam pelbagai aspek melalui matapelajaran Pendidikan Kesihatan dan tidak hanya tertumpu kepada isu seksual semata-mata. Kurikulum pendidikan ini disemak dan ditambah baik dari semasa ke semasa untuk merealisasikan hasrat melahirkan murid bertanggungjawab, membuat keputusan bijak dan berakhlak ke arah amalan gaya hidup sihat.

● Peranan dan pembabitan ibu bapa di sekolah amat penting dalam membantu keber-

kesan proses pengajaran dan pembelajaran kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial yang dijalankan oleh guru. Sikap keterbukaan ibu bapa dalam membincangkan hal berkaitan seksualiti dengan anak mereka sendiri dan sokongan mereka kepada guru secara tidak langsung akan dapat membantu keberkesanan kurikulum Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial di sekolah.

Kesediaan ibu bapa boleh mengurangkan sensitiviti yang mengiringi isu seksualiti supaya ia diterima dalam perspektif tepat dan sihat. Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) boleh memainkan peranan penting dalam menambah tahap kesedaran dan pengetahuan berkaitan seksualiti.

● Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian sudah menyediakan pelbagai bahan Pendidikan Kesihatan

Reproduktif dan Sosial yang terdiri daripada modul umum dan khusus mengenai seksualiti. Antaranya aspek fizikal, aspek sosial, gender, modul penyakit jangkitan seks, HIV/Aids, modul seksualiti dan saya, latihan pendidikan pencegahan HIV/Aids serta kemahiran kecekapan psikososial dalam pendidikan pencegahan HIV dan Aids.

Sinopsis perincian kandungan setiap modul itu memang ada untuk rujukan. Misalnya bagi modul aspek fizikal memberi fokus kepada sistem reproduktif lelaki dan perempuan, perubahan fizikal, emosi dan psikologi yang berlaku ketika akil baligh serta proses fisiologi persenyawaan dan kelahiran manusia.

**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT,**
Kementerian Pelajaran.